

# PMS-GABAPENTIN CAPSULE

Gabapentin (300mg, 400mg)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan pms-Gabapentin
2. Bagaimana pms-Gabapentin berfungsi
3. Sebelum mengambil pms-Gabapentin
4. Cara menggunakan pms-Gabapentin
5. Semasa menggunakan pms-Gabapentin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan pms-Gabapentin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan pms-Gabapentin

pms-Gabapentin diindikasikan sebagai terapi penunjang dalam rawatan sawan separa (mempengaruhi sebahagian kecil otak) dengan atau tanpa generalisasi sekunder (tersebar ke seluruh otak) pada dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas.

## Bagaimana pms-Gabapentin berfungsi

pms-Gabapentin tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat epilepsi.

Ia berfungsi dengan mengubah cara saraf menghantar mesej ke otak. Sel-sel otak perlu bekerja pada kadar yang tertentu untuk berfungsi secara normal.

Semasa sawan, sel-sel otak terpaksa bekerja lebih pantas daripada biasa. Gabapentin digunakan untuk mengawal epilepsi dan berfungsi dengan mengurangkan aktiviti elektrik

yang tidak normal di dalam otak.

## Sebelum mengambil pms-Gabapentin

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil pms-Gabapentin kapsul jika anda:

- alergic (hipersensitif) terhadap gabapentin atau mana-mana bahan kandungan kapsul pms-Gabapentin yang lain (*sila rujuk senarai bahan kandungan*)

*Kehamilan dan penyusuan bayi.* Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung. Gabapentin menyerap ke dalam susu ibu. Ia hanya boleh digunakan semasa mengandung atau menyusukan bayi jika manfaat rawatan melebihi potensi risiko.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

Jika anda mengalami salah satu keadaan tersebut, jangan ambil ubat ini dan maklumkan doktor.

### Sebelum mula mengambil

Maklumkan doktor sekiranya anda:

- Menghidapi penyakit buah pinggang
- sedang mengambil ubat lain yang mengandungi gabapentin.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat

lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Sekiranya anda mengambil sebarang ubat yang mengandungi morfin, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda kerana morfin boleh meningkatkan kesan pms-Gabapentin.

Jika pms-Gabapentin dan antasid yang mengandungi aluminium dan magnesium diambil pada masa yang sama, penyerapan pms-Gabapentin mungkin berkurangan.

Jika anda mengambil *cimetidine* (untuk ulser perut), *naproxen* (untuk merawat sakit atau keradangan) atau *hydrocodone* (ubat tahan sakit opioid).

## Cara menggunakan pms-Gabapentin

### Berapa banyak harus diambil

Ambil pms-Gabapentin seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Anda perlu bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

Doktor anda akan menentukan jumlah dos yang sesuai untuk anda. Doktor anda biasanya akan menambahkan dos anda secara beransur-ansur. Dos permulaan biasanya di antara 300mg hingga 900mg setiap hari. Selepas itu, dos boleh ditambah mengikut arahan doktor anda, dalam tiga dos dibahagikan sama rata sehingga maksimum 3600mg setiap hari.

Jika anda menghadapi masalah buah pinggang atau sedang menerima rawatan hemodialisis: Doktor anda mungkin akan

mengubahsuai jadual pengedosan dan / atau dos.

Selang masa maksimum antara dos dalam dos tiga kali sehari tidak harus melebihi 12 jam untuk mengelakkan serangan sawan.

#### Bila perlu diambil

pms-Gabapentin digunakan secara oral. Sentiasa telan kapsul dengan air yang banyak. pms-Gabapentin boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

#### Berapa lama perlu diambil

Anda harus mengambil pms-Gabapentin kapsul setiap hari selagi ianya dipreskripsikan oleh doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini melainkan jika doktor anda telah menasihatkan anda untuk berbuat demikian.

#### Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja telah mengambil dos berlebihan pms-Gabapentin, hubungi doktor atau hospital dengan segera untuk mendapatkan nasihat. Tunjukkan mereka pekapsul anda. Rawatan perubatan mungkin diperlukan.

Mengambil terlalu banyak kapsul boleh menyebabkan:

- pening
- penglihatan berganda
- pertuturan tidak jelas

- mengantuk
- lesu
- cirit-birit yang ringan

#### **Semasa menggunakan pms-Gabapentin**

##### Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan pengambilan pms-Gabapentin seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang keraguan.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan pms-Gabapentin.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

##### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil pms-Gabapentin kecuali disuruh berbuat demikian oleh doktor anda.
- Jangan menggunakan pms-Gabapentin untuk merawat sebarang keadaan lain melainkan jika doktor memberitahu anda untuk berbuat demikian.
- Jangan memberi atau mengesyorkan pms-Gabapentin kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama dengan anda.

##### Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan mesin:*

pms-Gabapentin boleh mengakibatkan rasa pening, mengantuk dan keletihan. Anda tidak sepatutnya memandu, mengendalikan mesin kompleks atau mengambil bahagian dalam

aktiviti-aktiviti lain yang berpotensi membahayakan diri anda sehingga anda tahu samada ubat ini memberi kesan kepada keupayaan anda untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini.

Ambil langkah berjaga-jaga ketika menggunakan pms-Gabapentin:

- Jika anda mengalami masalah buah pinggang, doktor anda boleh preskripsikan dos yang berbeza untuk anda
- Jika anda sedang menjalani rawatan hemodialisis

Sebilangan kecil pesakit yang dirawat dengan anti-epileptik seperti gabapentin mungkin mempunyai pemikiran mencederakan diri atau membunuh diri. Jika anda mempunyai fikiran sebegini pada bila-bila masa, hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan sampingan**

Seperti ubat lain, pms-Gabapentin kapsul boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk:

- Badan secara keseluruhannya: keletihan, berat badan meningkat, sakit belakang
- Kardiovaskular: vasodilatasi (dilatasi saluran darah)
- Sistem penghadaman: senak, kering mulut atau tekak, sembelit
- Sistem hematologi dan limfa: leukopenia (pengurangan dalam bilangan sel-sel darah putih)
- Sistem Muskuloskeletal: sakit otot, patah tulang
- Sistem Saraf: mengantuk, pening, kemurungan
- Sistem pernafasan: radang pada membran mukus dalam hidung, batuk
- Kulit dan anggota badan: lelasan, gatal-gatal

- Sistem urogenital: mati pucuk  
- Deria lain: penglihatan berganda, mata malas (*lazy eye*)

Simptom-simptom ini merupakan tanda-tanda awal reaksi yang serius. Doktor anda harus memeriksa dan menentukan sama ada anda harus terus mengambil pms-Gabapentin.

Jika anda sedang menjalani rawatan hemodialisis, beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami sakit otot dan/atau kelemahan.

Ini bukanlah senarai lengkap kesan-kesan sampingan. Jika mana-mana kesan sampingan ini menjadi serius, sila maklumkan doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan pms-Gabapentin**

#### Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C, jauh daripada cahaya matahari. Simpan di tempat yang dingin serta kering. Jauhkan daripada kanak-kanak.

#### Pelupusan

Jika doktor memberitahu anda untuk berhenti mengambil pms-Gabapentin kapsul, ataupun kapsul anda telah melepasi tarikh luput, tanya ahli farmasi bagaimana menguruskan ubat tersebut. Jangan membuang baki ubat atau ubat yang luput tarikh ke dalam tong sampah.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

300mg - Kapsul legap kuning. Dicitak 'Gabapentin 300 mg' pada kapsul dan logo 'P' pada badan kapsul dengan dakwat biru. Kapsul diisi dengan serbuk putih.

400g - kapsul legap oren. Dicitak 'Gabapentin 400 mg' pada kapsul dan logo 'P' pada badan kapsul dengan dakwat biru. Kapsul diisi dengan serbuk putih.

#### Bahan-bahan kandungan

*Bahan aktif*: Gabapentin.

*Bahan-bahan tidak aktif*: Kanji jagung, laktosa, talkum.

#### Nombor MAL:

300mg – MAL08021473AR

400mg – MAL08021474AR

### **Pengilang**

Pharmascience Inc.  
6111 Royalmount Avenue,  
Suite 100, H4P2T4 Montreal  
Quebec, Canada

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Medicell Pharmaceutical  
(Malaysia) Sdn Bhd (898390-M)  
Suite 16-03, Menara AmFIRST,  
1, Jalan 19/3,  
46300 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

11/09/2015

### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)070915/00301